

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14/09/2017E



Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak (tengah) berucap semasa sidang media selepas bertemu dengan Donald Trump di White House, Washington, Amerika Syarikat, semalam. - BERNAMA

Pertemuan Najib-Trump di White House disifatkan bersejarah

# Rintis hubungan 60 tahun lagi

■ WASHINGTON 13 SEPT.

**P**ERTEMUAN Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden, Donald J Trump di White House hari ini telah merintis jalan kepada hubungan lebih akrab Malaysia-Amerika Syarikat (AS) untuk tempoh 60 tahun lagi.

Pertemuan itu berlangsung semasa Malaysia dan AS menyambut ulang tahun ke-60 terjalinnya hubungan dua hala dengan kedua-dua negara menyatakan komitmen untuk memperkukuhkan



**ZULKEFLI  
HAMZAH**

Melipat dari  
WASHINGTON, AMERIKA SYARIKAT

kerjasama terutama dalam sektor perdagangan.

"Tahun ini menyaksikan ulang tahun ke-60 hubungan antara kita. Saya berharap pertemuan hari ini akan menjadikan hubungan ini lebih kukuh pada tahun-tahun akan datang," kata Najib semasa

memibalas kenyataan Trump semasa mesyuarat delegasi yang diadakan di Cabinet Room di West Wing.

Mesyuarat delegasi disertai oleh Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara, Tan Sri Zulkifli Mohd. Zin dan Duta Besar Malaysia ke AS, Tan Sri Zulkarnain Ruffique.

Delegasi AS terdiri daripada Naib Presiden, Mike Pence, Setia-

saha Negara, Rex Tillerson, Timbuan Setiausaha Pertahanan, Patrick Shanahan, Ketua Turus John Kelly, Penasihat Keselamatan Negara, Lt. Jem. H.R McMaster dan Penasihat Kanan, Jared Kushner.

Trump pula yang berulang kali menyatakan penghormatan beliau dapat meraikan kehadiran Najib dan delegasi ke White House sering merujuk Najib sebagai rakan peribadi.

Ucapan itu bukan sahaja terakut semasa kenyataan Trump ketika sesi mesyuarat delegasi tetapi juga melalui Twitter Presiden AS

ke-45 itu.

"Satu penghormatan besar untuk mengalu-alukan kehadiran Perdana Menteri Malaysia, Najib Abdul Razak dan delegasi ke White House," kata Trump yang turut disebarkan melalui Twitter miliknya.

Trump juga hari ini 'melanggar' protokol White House apabila menghantar Najib sehingga ke muka pintu. Pegawainya kemudian mengingatkan tentang perkara itu tetapi Trump menyatakan "beliau (Najib) adalah rakan saya."

Sejak dari sesi ketibaan lagi, bahasa badan kedua-dua pemimpin

ini menunjukkan mereka begitu serasi. Walaupun Malaysia negara kecil tetapi kemahiran diplomatik Najib menjadikan Malaysia dihormati dan dipandang tinggi oleh kerajaan AS.

Lawatan Najib ke White House atas jemputan Trump itu merupakan satu pengiktirafan kuasa besar dunia ini bahawa Malaysia merupakan antara rakan paling akrab di Asia Tenggara. Najib ialah pemimpin kedua Asia Tenggara dijemput ke White House selepas Vietnam pada Jun lalu disusuli Singapura pada Oktober ini. - UTUSAN

Um-14/91 2d7 pg. 2